


Selangorkini - 25 April 2019 m/s 8

Kukuh persahabatan lama, pupuk kerjasama

PUTRAJAYA - Lawatan lima hari Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke China bermula 24 April lalu, akan memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara dan memupuk kerjasama yang luas antara kedua-dua negara, menurut Kementerian Luar (Wisma Putra).

Dalam satu kenyataan pada 24 April lalu ia berkata, Dr Mahathir akan mengetuai delegasi ke Forum Jalur dan Laluan bagi Kerjasama Antarabangsa Kedua (2ndBRF) di Beijing.

Perdana Menteri akan diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah



Tun Mahathir

Mohd Ali dan beberapa menteri termasuk Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah serta Menteri

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darell Leiking. Pada forum itu, Dr Mahathir dijemput untuk berkongsi pandangan pada Mesyuarat Peringkat Tinggi dan Meja Bulat Pemimpin bertemakan "Memperkasa Sinergi Dasar dan Membina Perkongsian Lebih Erat."

Wisma Putra berkata, kehadi-

ran Dr Mahathir ke 2ndBRF adalah penting memandangkan Malaysia berterusan menyokong inisiatif Jalur dan Laluan, terutama dalam isu pembangunan utama seperti sinergi dasar, pembangunan infrastruktur, kerjasama kewangan serta kesalinghubungan rakyat.

Bertemakan "Kerjasama Jalur dan Laluan: Membentuk Masa Depan Bersama yang Lebih Cerah", seramai 37 pemimpin dunia termasuk Dr Mahathir sudah mengesahkan kehadiran mereka pada 2ndBRF.

Wisma Putra berkata, Dr Mahathir juga akan bertemu dengan Presiden China, Xi Jinping dan rakan sejawatan beliau Perdana Menteri, Li Keqiang, dengan kedua-dua mereka dijangka akan membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama dalam mesyuarat yang akan dihadiri mereka. Per-

dana Menteri Li dan Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) tentang kerjasama dalam minyak sawit

Selain daripada menghadiri acara rasmi, Wisma Putra berkata, Dr Mahathir juga akan melawat beberapa syarikat berteknologi tinggi di Beijing iaitu Huawei Technologies dan SenseTime Private Ltd.

Dr Mahathir juga dijadual akan bertemu pelabur utama, penganalisis pasaran modal antarabangsa selain masyarakat perniagaan terkemuka yang berpangkalan di Beijing. - BERNAMA